

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



KEBERSAMAAN DALAM PENGANJURAN KARNIVAL GEGAR FSR, UITM KAMPUS SEREMBAN

Ditulis oleh:

Dr. Mohamad Firdaus bin Ahmad

Nur Dalilah binti Dahlan

Nur Syazwani Zulaikha binti Safwan

Sejarah tercipta pada 14 hingga 17 Disember 2023 apabila telah berlangsungnya program Karnival Gegar FSR buat julung kalinya di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban. Karnival yang dianjurkan oleh mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan Semester 3 Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi ini telah mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada Dr. Mohamad Firdaus bin Ahmad dan Puan Nur Dalilah binti Dahlan. Karnival ini dianjurkan adalah untuk memenuhi keperluan kursus *Event Strategic and Operation Management* (SMG502) dan *Sponsorship in Sport* (SRB503). Selain itu, karnival ini berjaya memberikan pengalaman manis kepada pihak penganjur apabila mereka dapat meningkatkan kemahiran pengurusan serta kemahiran berkomunikasi sepanjang perjalanan karnival ini dikelolakan.

Secara tidak langsung, melalui penganjuran Karnival Gegar FSR ini ianya dapat dilihat sebagai platform yang berupaya membantu mahasiswa mempraktikkan pengetahuan secara teori yang telah

dipelajari di dalam kuliah dan diterjemahkan secara praktikal. Di samping itu, karnival ini telah dapat membantu pihak fakulti bagi merealisasikan visi Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi iaitu menjadikan pusat kecemerlangan dan peneraju dalam bidang sukan, pengurusan sukan dan rekreasi yang unggul.



Gambar 1: Majlis Perasmian Karnival Gegar FSR
(Dari kiri: Dr. Mohamad Firdaus Ahmad, Dr. Mohd Shariman Shafie, Puan Wahidah Tumijan, Puan Dalilah Dahlan)

Karnival yang berlangsung selama 4 hari ini telah disempurnakan oleh Ybrs. Dr. Mohd Shariman Shafie (Penolong Rektor Kampus Seremban) sewaktu majlis perasmian yang diadakan. Terdapat pelbagai aktiviti yang disediakan pihak penganjur melibatkan penyertaan dan kehadiran warga UiTM dan pihak luar. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti kejohanan Bola Jaring, Kejohanan Futsal, Kejohanan Bola Sepak 9' Sebelah, Pertandingan Nyanyian, *Inspire D Adventure*, Majlis Anugerah Dekan & Malam Pra Graduan, Ceramah Senaman Itu Ibadah, *Fit Attack* dan *Sports Innovation, Idea and Invention Competition*. Karnival ini juga telah mendapat tajaan dan sumbangan kewangan daripada pihak luar sehingga

membolehkan perjalanan program berlangsung dengan jayanya. Karnival Gagar FSR telah dimeriahkan dengan barisan penaja-penaja ternama seperti KPJ dan Raqtive untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka kepada komuniti UiTM. Dalam masa yang sama penglibatan para penaja telah memberikan peluang kepada mereka untuk memperluaskan jenama dan membantu meningkatkan jualan.




Gambar 2: Logo penaja di poster karnival dan latar belakang pentas

Karnival yang berkonsepkan kesukanan dan kemasyarakatan ini telah memberi impak yang besar dalam mengeratkan hubungan antara mahasiswa, kakitangan universiti, dan masyarakat setempat. Melalui penglibatan semua pihak telah membantu memupuk semangat kebersamaan dan solidariti, serta meningkatkan rasa keterlibatan dan kebanggaan terhadap komuniti kampus. Selain itu juga, penganjuran karnival ini telah menjadi laluan yang berkesan untuk meningkatkan keterlihatan UiTM Kampus Seremban di mata masyarakat seterusnya menjadikan universiti ini semakin dipandang

dan dihargai sebagai peneraju dalam bidang pendidikan dan pembangunan komuniti.

Secara keseluruhannya, karnival ini telah berjaya menjadi pencetus idea kepada warga UiTM Kampus Seremban dalam penganjuran program yang melibatkan warga kampus dan pihak luar.



Karnival seperti ini perlu untuk dijalankan secara berterusan dan mendapat sokongan daripada semua pihak kerana respon positif yang diterima iaitu berjaya menyatukan pelbagai lapisan masyarakat universiti, memupuk semangat kekeluargaan, dan memperkuatkan rasa identiti di kalangan mahasiswa melalui program-program yang pelbagai dan berinovasi. Karnival ini bukan sekadar satu acara, tetapi sebuah wadah penting untuk pembangunan holistik dalam konteks pendidikan tinggi.